

MEDIA SOSIAL SEBAGAI ALTERNATIF SUMBER KAJIAN LISAN: SATU TINJAUAN AWAL

(SOCIAL MEDIA AS AN ALTERNATIVE SOURCE FOR ORAL STUDY: AN INITIAL STUDY)

RAMBELY, N. A. S.^{1*} – MOKHTAR, N. A. M.¹

¹ *Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: azlah[at]uum.edu.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Media sosial adalah media online yang membolehkan pengguna untuk berkomunikasi, berinteraksi, dan berkongsi informasi dengan orang lain. Media sosial terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya blog, jejaring sosial, wiki, forum, akhbar online dan dunia virtual. Media sosial memiliki ciri yang membolehkan setiap orang melibatkan diri, memberi komen serta mencipta isi media tersebut. Media sosial juga adalah sebagai perantara atau saluran komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat kepada orang ramai dalam masa yang cepat. Segala maklumat dan topik hanya perlu dicari pada hujung jari dan memudahkan setiap orang untuk mendapatkan maklumat dan jawapan. Kajian ini cuba melihat penggunaan media sosial sebagai alternatif sumber bagi melengkapkan kajian berbentuk sejarah lisan. Sejarah Lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Ianya merupakan satu kaedah yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah sejarah lisan melibatkan proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah, samaada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya sahaja. Sehubungan itu objektif kajian ini adalah untuk meneliti sumber media sosial sebagai dapatan bagi sumber lisan dalam sesuatu peristiwa sejarah, dan sejauh manakah dapatan ini dapat diterima dalam konteks kaedah sejarah lisan. Hasil kajian menunjukkan penyelidik sejarah boleh menggunakan media sosial secara berkesan sebagai salah satu sumber dapatan dalam pengkajian sejarah lisan. Namun para penyelidik perlu memastikan bahawa nilai-nilai etika dan budaya yang terlibat dipatuhi secara jujur bagi memastikan kesahan dan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah.

Katakunci: *media sosial, wawancara, sejarah lisan, pengguna*

Abstract. Social media is an online medium that allows users to communicate, interact, and share information with others. Social media comes in various forms including blogs, social networks, wikis, forums, online newspapers, and virtual worlds. Social media has characteristics that enable everyone to participate, comment, and create content. It also acts as an intermediary or communication channel that can convey information to the public quickly. All information and topics can be accessed at one's fingertips, making it easy for everyone to obtain information and answers. This study attempts to examine the use of social media as an alternative source to complement oral history research. Oral history is a method used in historical research to obtain and verify the truth of historical facts. It is a method aimed at preserving historical knowledge through storytelling. The oral history method involves interviewing and recording on tape the testimonies of people who know about a historical event, either through direct involvement in the event or by merely witnessing it. Therefore, the objective of this study is to examine social media sources as findings for oral sources in a historical event and to what extent these findings can be accepted in the context of the oral history method. The results of the study indicate that historical researchers can effectively use social media as one of the sources in oral history research. However, researchers must ensure that the ethical and cultural values involved are adhered to honestly to ensure the validity and truth of a historical event.

Keywords: *social media, interview, oral history, users*

Pengenalan

Menurut The Society of American Archives, sejarah lisan membawa maksud An interview that records an individual's personal recollections of the past and historical events and the audio or video recordings, transcripts, and other materials that capture and are associated with such an interview. Oleh sebab itu, sejarah lisan merupakan suatu rakaman bagi ingatan seseorang, kebiasaannya dijalankan dalam bentuk temu bual antara subjek dan penilai mahir atau ahli sejarah. Objektifnya adalah bagi mendokumentasikan sejarah lisan untuk mewujudkan sumber asal sejarah atau untuk mendokumentasikan tradisi dan budaya lisan yang mungkin akan hilang. Sumber-sumber ini sebaik sahaja diwujudkan akan dapat membantu penyelidik tempatan mahupun luar negara dalam bidang penyelidikan utama mereka tanpa perlu merujuk kepada subjek mereka. Subjek yang biasanya dipilih kerana penglibatan mereka dengan pengalaman, peristiwa sejarah tertentu, atau angka. Maklumat yang dikumpul daripada temu bual itu kemudiannya akan disalin dan ditulis, dan salinan ini akan digunakan sebagai sumber pengajaran dan penyelidikan.

Dalam membuat penyelidikan dan pengkajian sejarah, sejarawan akan menggunakan sumber primer, bertulis dan sejarah lisan. Sejarah lisan merujuk kepada metodologi, bukannya teori. Semasa beberapa dekad yang lepas, para sejarawan lisan telah membangunkan beberapa teori interpretif tentang memori dan subjektiviti serta struktur naratif yang menyediakan rangka kerja untuk cerita-cerita lisan tentang masa lalu. Walaupun ia belum wujud dalam konsep teorikal yang jelas, namun pemahaman kita terhadap memori individu dan kolektif masih jelas dan meningkat. Walaupun begitu, sejarah lisan masih dianggap oleh majoriti ahli sejarah sebagai satu metodologi. Sejarah lisan sering muncul untuk menjadi proses teknikal yang lebih atau kurang dalam mencatat jawapan informal serta seterusnya ia direkodkan dalam mesin pita dan transkrip.

Secara umumnya, Sejarah Lisan melibatkan pengumpulan, analisis, dan interpretasi cerita, lagu, mitos, legenda, ritual, dan bahasa lisan lainnya untuk memahami sejarah, tradisi, dan nilai-nilai budaya suatu masyarakat. Menurut Haron (1979), terdapat tiga tahap utama dalam kaedah sejarah lisan iaitu persediaan, teknik pengumpulan data melalui temuramah/wawancara/soal-jawab dan memproses rakaman. Berikut adalah beberapa kaedah yang sering digunakan dalam kajian Sejarah Lisan (i) Wawancara: Peneliti dapat melakukan wawancara dengan individu narasumber yang memiliki pengetahuan tentang peristiwa sejarah yang ingin dikaji. Wawancara ini boleh merangkumi soalan-soalan tentang cerita-cerita tradisional, lagu-lagu, mitos, dan peristiwa sejarah yang berlaku; (ii) Perakam Audio dan Video: Menggunakan peralatan perakam audio dan video untuk merakam cerita, lagu, dan perbualan lisan dari narasumber. Ini membolehkan peneliti untuk mengekalkan warisan lisan tersebut dan mempelajarinya dengan lebih mendalam; (iii) Transkripsi: Selepas proses rakaman, transkripsi dilakukan untuk menyalin sumber lisan ke dalam bentuk tulisan. Ini membantu dalam analisis lebih lanjut dan membolehkan peneliti untuk menyimpan dan berkongsi bahan tersebut dengan lebih mudah; (iv) Analisis Naratif: Mengenal pasti pola-pola naratif, tema, motif, dan struktur cerita yang muncul dalam sumber lisan. Ini membantu dalam memahami mesej-mesej yang disampaikan serta nilai-nilai budaya yang terkandung di dalamnya; (v) Konteks Budaya: Penting untuk memahami konteks budaya di mana sumber lisan tersebut muncul. Ini termasuk mempertimbangkan faktor-faktor seperti kepercayaan, nilai-nilai, norma, dan amalan sosial yang mempengaruhi pembentukan dan penyebaran tradisi lisan; (vi) Perbandingan dan Perbezaan:

Membandingkan dan membezakan sumber lisan dari pelbagai sumber atau kumpulan masyarakat untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan, dan pola-pola yang muncul. Ini dapat membantu dalam menentukan variasi dan evolusi tradisi lisan dari masa ke masa atau di antara kumpulan-kumpulan yang berbeza; (vii) Kajian Etnografi: Kajian etnografi boleh dilakukan untuk menyelidiki lebih lanjut konteks budaya di mana tradisi lisan tersebut berkembang. Ini melibatkan pemerhatian langsung, penyertaan dalam aktiviti budaya, dan interaksi dengan ahli komuniti tempatan.

Gabungan kaedah ini membantu pengkaji dalam memahami dan menginterpretasikan sumber tradisi lisan serta menjaga sejarah warisan budaya yang berharga. Kepentingan sejarah lisan antaranya menyumbang kepada sumber sejarah, membina semula peristiwa-peristiwa sejarah, membantu memberikan gambaran yang jelas dalam sesuatu peristiwa sejarah, membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat ataupun sebaliknya, meningkatkan kegiatan penyelidikan sejarah, memajukan penulisan sejarah dan mengukuhkan sumber primer. Sementara itu, media sosial pula adalah platform digital yang memungkinkan pengguna untuk berinteraksi, berkongsi kandungan, dan berhubung dengan orang lain secara online. Ada pelbagai jenis media sosial, termasuk jejaring sosial seperti Facebook, Twitter, dan LinkedIn, platform berkongsi video seperti YouTube dan TikTok, platform berkongsi foto seperti Instagram dan Snapchat serta pelbagai platform lainnya yang menawarkan fungsi yang berbeza (Statista Web Portal, 2022)

Media sosial menyediakan pelbagai ciri, seperti pembuatan profil pengguna, berkongsi kandungan dalam bentuk teks, gambar, video, dan tautan, interaksi antara pengguna melalui komentar, like, atau reaksi lainnya serta pembentukan jaringan sosial yang memungkinkan pengguna untuk berhubung dengan orang lain dalam jaringan mereka. Selain itu, media sosial juga mencakup ciri-ciri seperti pembentukan kumpulan dan komuniti berdasarkan minat atau topik tertentu, serta program pengiklanan yang memungkinkan syarikat dan individu untuk mempromosikan produk, layanan, atau berkongsi informasi dengan pengguna. Ciri utama media sosial meliputi (i) Profil Pengguna: Pengguna biasanya membuat profil yang mencakup informasi tentang diri mereka sendiri, seperti nama, foto, minat, dan informasi lainnya; (ii) Berkongsi kandungan: Pengguna dapat berkongsi pelbagai jenis kandungan, seperti teks, gambar, video, dan pautan ke halaman web lain; (iii) Interaksi: Pengguna dapat berinteraksi dengan kandungan yang dikongsikan oleh pengguna lain, seperti memberi reaksi positif, memberi komen atau berkongsi kandungan dengan pengguna lain; (iv) Jaringan Sosial: Pengguna dapat berhubung dengan orang lain dalam jaringan mereka, biasanya dengan mengirim semula atau menerima permintaan untuk mengikuti akaun pengguna lain; (v) Kumpulan dan Komuniti: Beberapa platform memungkinkan pengguna untuk membentuk kumpulan atau komuniti berdasarkan minat atau topik tertentu, di mana anggota dapat berbincang dan berkongsi kandungan antara mereka; (vi) Pengiklanan: Banyak platform media sosial menawarkan program pengiklanan yang memungkinkan perusahaan dan individu untuk mempromosikan produk, layanan, atau konten mereka kepada pengguna.

Media sosial memiliki pengaruh yang signifikan dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk komunikasi, perniagaan, politik, pendidikan dan budaya. Namun, mereka-media sosial juga sering kali menjadi subjek kontroversi berkaitan privasi, keamanan, dan kesannya terhadap kesihatan mental pengguna. Berikut adalah beberapa jenis media sosial yang umum digunakan iaitu (i) Jejaring Sosial: Platform-platform seperti Facebook, Twitter, LinkedIn, dan Reddit memungkinkan pengguna untuk terhubung

dengan orang lain, berkongsi kandungan, dan berinteraksi melalui status, posting, dan komentar; (ii) Platform Berkongsi Foto dan Video: Instagram, Snapchat, dan Pinterest adalah contoh platform-platform di mana pengguna dapat berkongsi foto dan video, serta menambahkan keterangan atau cerita singkat; (iii) Platform Video: YouTube adalah platform utama untuk berkongsi video, sementara TikTok telah menjadi sangat popular untuk membuat dan berkongsi video pendek; (iv) Blog : Blogger dan WordPress adalah platform yang memungkinkan pengguna untuk membuat dan mengelola blog pribadi di mana mereka dapat berkongsi pemikiran, pengalaman, dan konten lainnya; (v) Forum dan Komuniti Online: Reddit, Quora, dan Stack Overflow adalah contoh forum dan komuniti online di mana pengguna dapat berpartisipasi dalam diskusi, bertanya, dan menjawab pertanyaan; (vi) Platform Berkongsi Musik: Platform seperti SoundCloud dan Spotify memungkinkan pengguna untuk mendengarkan, menggubah dan berkongsi muzik mereka sendiri, serta mencipta muzik baru; (vii) Platform Profesional: LinkedIn adalah contoh utama dari platform media sosial yang berfokus pada profesional, di mana pengguna dapat membangun jejaring profesional, mencari pekerjaan, dan berkongsi kandungan yang berkaitan dengan kerjaya; (viii) Platform Berasaskan Lokasi: Foursquare dan Yelp adalah contoh platform media sosial berkongsi.

Justeru apakah kaitan di antara Sejarah Lisan dan media sosial? Keduanya berbeza cabang ilmu, namun dalam konteks penulisan artikel ini, penulis akan membuat tinjauan awal bagaimanakah dapatan dari media sosial boleh digunakan sebagai sumber rujukan bagi melengkapkan kajian yang menggunakan kaedah sejarah lisan?

Pernyataan masalah

Pada zaman digital ini, media sosial telah menjadi platform utama untuk berinteraksi dan berkongsi informasi di kalangan masyarakat. Pelbagai dapatan melalui media sosial secara tidak langsung membantu mengumpul segala maklumat. Jika dilihat dalam konteks sejarah, media sosial secara tidak langsung berperanan sebagai sumber rujukan terutamanya bagi sejarah yang menggunakan kaedah lisan. Hasil temubual, dapatan gambar dan penceritaan sesuatu peristiwa (berdasarkan keterangan lisan) dari media sosial membantu penyelidik sejarah untuk mengumpul maklumat. Justeru, bagaimanakah dapatan dari media sosial boleh digunakan sebagai sumber rujukan yang menggunakan kaedah sejarah lisan?

Persoalan kajian

Kajian ini cuba melihat penggunaan dapatan media sosial sebagai sumber dalam melengkapkan kajian berbentuk sejarah lisan. Persoalan kajian pertama adalah bagaimana dapatan media sosial berupaya menjadi sumber bagi kajian sejarah lisan dan persoalan kajian yang kedua sejauhmanakah dapatan informasi yang diperolehi oleh media sosial ini memenuhi kriteria kaedah sejarah lisan.

Objektif kajian

Penulisan ini bertujuan meneliti informasi dalam media sosial yang boleh dijadikan sebagai dapatan sumber lisan dalam sesuatu peristiwa sejarah, dan sejauh manakah dapatan ini dapat diterima dalam konteks kaedah sejarah lisan. Hal ini disebabkan melalui media sosial, informasi dua hala yang terlaksana antara pengguna sebenarnya memberi banyak jawapan yang mampu menghuraikan, menjelaskan malah memberi

input baru kepada informasi sejarah, dan dalam tujuan kajian ini adalah sumber kepada sejarah lisan.

Kekangan kajian

Perbincangan hanya akan menggunakan beberapa contoh sumber informasi yang berteraskan unsur/bidang sejarah melalui paparan saluran media sosial seperti akhbar online, Facebook, Blogspot dan video menerusi Youtube dan Tiktok.

Sorotan literatur

Peranan penggunaan media sosial dalam kegiatan politik yang menggunakan platform media sosial seperti Twitter, Facebook, dan Instagram oleh ahli politik dan aktivis politik untuk berkomunikasi dan mempengaruhi pandangan masyarakat ada dibincangkan dalam artikel Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik Di Malaysia (Salman et al., 2018). Kemunculan media baharu hasil daripada perkembangan rangkaian internet telah menjadikan media tersebut sebagai agen demokrasi maklumat. Bertepatan dengan peralihan budaya politik semasa, masyarakat kini lebih selesa menggunakan media sosial sebagai sumber perolehan maklumat politik terkini. menunjukkan bahawa masyarakat pada hari ini sangat prihatin dengan apa yang dipaparkan di media sosial berkenaan perkara-perkara yang melibatkan politik semasa (Salman et al., 2018).

Artikel Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat oleh Hamid (2016) turut membincangkan tentang pengaruh media massa terhadap kehidupan sosial masyarakat kini yang harus mendepani arus globalisasi. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Pengaruh media massa berbeza-beza terhadap setiap individu. Hal ini disebabkan kerana adanya perbezaan corak pemikiran, perbezaan sifat yang terkesan pada pengambilan sikap, hubungan sosial sehari-hari dan perbezaan budaya. Manakala era globalisasi pula memiliki pengaruh yang kuat di segala dimensi kehidupan masyarakat. Hal ini menyebabkan terjadinya perubahan-perubahan sosial baik secara positif mahupun negatif. Perkembangan teknologi membuatkan masyarakat tersepit di antara dua pilihan. Di satu pihak masyarakat menerima kehadiran teknologi, di pihak yang lain kehadiran teknologi moden justeru menimbulkan masalah yang bersifat struktural di semua aspek kehidupan masyarakat. Dewasa ini kemajuan teknologi informasi yang menuju ke arah globalisasi komunikasi dirasakan cenderung berpengaruh langsung terhadap tingkat peradaban masyarakat dan bangsa. Media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi, melalui media massa yang banyak berkembang memungkinkan informasi menyebar dengan mudah pada masyarakat. Informasi dalam bentuk apapun dapat disebarluaskan dengan mudah dan cepat sehingga mempengaruhi corak pandangan, gaya hidup, serta budaya suatu bangsa.


Media sosial kini juga digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi berkongsi maklumat di antara pengajar dengan pelajar. Perkembangan teknologi yang pesat pada masa kini telah memberi perubahan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran seiring dengan abad ke-21. Sejar dengan revolusi industri keempat (4.0) atau boleh dirujuk sebagai revolusi digital menawarkan tawaran yang menarik kepada dunia pendidikan dalam kebolehan capaian kepelbagaian dan perkongsian maklumat dengan cepat pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Malaysia kini mengorak langkah ke arah pengajaran dan pembelajaran yang dipandu teknologi digital yang bersifat

interaktif dan fleksibel yang terus berkembang didorong oleh permintaan pelajar dalam pendidikan. Sehubungan dengan itu, kebolehan media sosial sebagai suatu konsep baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran tanpa terikat dengan kaedah atau proses klasik pada kebiasaan memberi peluang untuk merevolusikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam mevariasikan komunikasi dan komuniti pembelajaran yang tidak terhad. Satu kajian oleh Zawawi dan Mohammad (2019) mendapati WhatsApp, Facebook dan YouTube adalah antara jenis media sosial yang sering digunakan dalam menerapkan pembelajaran kursus Teknologi Maklumat. Hasil kajian menunjukkan implementasi dan sumbangan media sosial terhadap pembelajaran memberi alternatif kepada tenaga pengajar.

Instrumen dan Metod Kajian


Penulisan ini akan berfokus kepada metodologi kajian kualitatif. Kajian kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian (Donnelly dan Trochim, 2007). Kajian kualitatif adalah kajian berkaitan persoalan atau pernyataan, bukan hipotesis. Kajian kualitatif biasanya mengguna persoalan seperti, bagaimana, apa, dan mengapa. Kajian kualitatif melibatkan penaakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu (Donnelly dan Trochim, 2007). Kajian ini mengadaptasi kerangka reka bentuk kajian yang dikemukakan oleh Creswell (2003) kerana didapati menyeluruh dan dapat menunjukkan perkaitan yang jelas antara falsafah, strategi dan teknik kajian. Falsafah di sebalik kajian ini adalah konstruktivis seperti dalam *Rajah 1*. Reka bentuk penyelidik adalah jenis kualitatif. Strategi kajian ini pula adalah kajian kes. Manakala teknik kajian ini pula adalah kombinasi data dokumen, data audio-video dan analisis kandungan dokumen. Data dokumen merujuk kepada dokumen dalam media sosial yang digunakan dalam kajian ini seperti dari akhbar online, Facebook, Tik Tok, Blog, Vlog, dan You Tube. Analisis kandungan ialah satu kaedah penyelidikan yang membuat tumpuan terhadap mesej dengan membuat pengamatan secara sistematik terhadap kategori yang dipilih oleh penyelidik. Daripadanya, penyelidik membuat kesimpulan dan membina pendapat terhadap sesuatu isu (Idid, 1992).

Rajah 1: Reka bentuk Kajian



*Rajah 1. Reka bentuk kajian.
 Sumber: Creswell (2003)*

Menurut Bryman et al. (2008), proses kajian kualitatif adalah seperti dalam *Rajah 2*. Prosesnya bermula dengan mengemukakan persoalan kajian yang umum, diikuti dengan pemilihan subjek atau topik yang berkaitan. Proses seterusnya adalah pengumpulan data yang berkaitan dengan topik. Hasil interpretasi data, teori atau konsep sedia ada atau baru dapat ditentukan. Proses ini berulang bagi memperkemas persoalan kajian supaya persoalan yang jelas dan tepat dapat ditentukan. Bagi tujuan menjawab persoalan yang telah diperkemas, pengumpulan data lanjutan perlu dilakukan. Setelah teori atau konsep dapat ditentukan dengan kukuh, proses seterusnya iaitu penulisan temuan atau kesimpulan yang diperolehi.




*Rajah 2. Proses kajian kualitatif.
Sumber: Bryman et al. (2008).*

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Contoh pertama yang akan dibincangkan ialah tentang Peristiwa 13 Mei 1969. Tragedi 13 Mei 1969 merupakan sebuah tragedi berdarah yang berlaku di Malaysia selepas 12 tahun Malaysia merdeka. Buat pertama kalinya selepas kemerdekaan dikecapi, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu terutamanya Cina meletus yang memporak-porandakan tanah air dan membimbangkan negara yang berjiran dengan Malaysia serta negara British selaku penjajah yang memberikan kemerdekaan kepada Malaysia. Menurut laporan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), peristiwa dahsyat yang berlaku pada 13 Mei adalah akibat daripada pelbagai perkembangan politik perkauman di Malaysia sejak kemerdekaan dicapai pada tahun 1957. Antaranya ialah ketiadaan perhubungan terus menerus antara generasi dan tafsiran yang berlainan oleh setiap kaum terhadap Perlembagaan hingga membawa kepada bertambahnya pencerobohan politik oleh kaum imigran terhadap beberapa perkara asasi dalam Perlembagaan berkaitan dengan Bahasa Melayu dan kedudukan orang Melayu terutamanya Fasal 152 dan 153; hasutan - kata-kata lancang dan kelakuan yang provokatif daripada ahli dan penyokong parti perkauman semasa pilihan raya 1969; peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya dan kongsi gelap yang

membangkitkan perasaan perkauman serta saling tidak mempercayai antara Melayu dengan Cina yang semakin berkembang selepas pilihan raya 1969-pelbagai cacian perkauman dan ancaman terhadap kesejahteraan dan kehidupan masa depan masyarakat Melayu di tanah air mereka sendiri (Snee et al., 2015).

Tarikh 13 Mei akan tercatat dalam sejarah kita sebagai hari Tragedi Nasional. Pada hari itu asas pendirian negara kita telah menerima paluan yang sehebat-hebatnya pernah dialami dengan meletusnya rusuhan antara kaum. Mujurlah kerajaan telah mengambil tindakan yang segera dan tegas, dibantu dengan setianya oleh pihak tentera dan polis. Maka dapatlah pihak berkuasa mengawal keadaan secepat-cepatnya. Kalau tidak kerana langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan dengan segera itu maka tentulah seluruh negeri ini akan tersebar dalam malapetaka yang besar (Snee et al., 2015). Banyak buku menulis tentang Peristiwa 13 Mei 1969, namun kebanyakan buku yang ditulis adalah menghuraikan perjalanan peristiwa berdasarkan rekod-rekod dokumen rasmi kerajaan. Tidak banyak penulisan yang menjurus kepada kaedah kajian lisan iaitu melalui temubual, memandangkan peristiwa ini dianggap taboo. Di dalam dokumen British, hanya ada pandangan dari masyarakat Cina tentang peristiwa kejadian ini. Tiada pandangan dari orang Melayu yang ditulis. Namun media SosCili merupakan media yang berjaya mengupas cerita ini melalui sudut pandang masyarakat Malaysia. SosCili adalah media sosial yang mengupas tentang tragedi 13 Mei 1969 dari sudut pandang saksi hidup yang masih ada. Soscili dimiliki sepenuhnya oleh Cilisos Media Sdn. Bhd. Profile Soscili adalah “Di SOSCILI, kami percaya yang apa-apa maklumat pun boleh disampaikan cara yang santai dan seronok dibaca (*Rajah 3*). Tak kisahlah macam mana berat pun topik yang disebarkan, akan kami runkaikan menjadi lebih mudah-penuh jenaka, ikhsan, dan kasih sayang.”



Rajah 3. Paparan media sosial akhbar online SosCili.

Media Soscili telah berjaya menemuramah seramai 12 saksimata kepada kejadian 13 Mei 1969. Setiap sumber yang ditemuramah menceritakan keadaan sebelum, semasa dan selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969 (*Rajah 4*). Sebagai contoh:

Saya ada di situ pada waktu itu. Saya darjah 4 dan saya lihat kebakaran dan pembunuhan dari Jalan Chow Kit ke rumah saya di Kampung Baru... Saya dan kakak sedang membeli buku sekolah. Dalam perjalanan pulang, saya berhenti untuk berbual dengan kawan di Jalan Raja Alang sewaktu kakak saya meneruskan perjalanan ke rumah. Lebih kurang 3 petang, ianya berlaku. Parti politik sedang membuat protes dengan bendera-bendera mereka. Tiba-tiba, orang ramai jadi kasar macam samseng. Tak kiralah bangsa, mereka mula bergaduh. Saya berlari balik rumah, saya tak ingat betapa lajunya saya lari... Di tempat tinggal saya, mereka sembur gas pemedih mata sampai kitorang tak dapat buka mata dan susah bernafas. Kami berdoa sehinggalah ke akhir. Perintah berkurung juga menghalang kami daripada keluar rumah, dan waktu tu tandas adalah terasing di luar jadi kami tak dapat gunakannya sewaktu. Sesiapa yang keluar rumah akan ditembak oleh askar Gurkha... Kami juga tak dapat beli makanan kerana perintah larangan, dan walaupun ianya dihentikan buat beberapa jam, semua kedai runcit naikkan harga mereka. Jadi kami buat bubur atau makan nasi dengan pisang. Memang susah. Bila pergi kedai, kami tak tahu siapa lawan dan siapa lawan. Kawan baik Cina saya pun layan saya seperti musuh – dan waktu tu kami budak-budak je.

(Aunty Liza yang berumur 10 tahun pada 1969)

Saya di Ipoh, belajar di tingkatan enam bawah. Saya tak ingat samada ini berlaku pada hari tersebut (13 Mei) atau esok harinya, tapi pada waktu pagi, mereka mengumumkan perintah larangan. Tak lama lepas tu di Buntong, di mana saya tinggal, ada van-van daripada Jabatan Maklumat yang mengumumkan perkara yang sama daripada pembesar suara mereka... Kami betul-betul tak tahu apa yang berlaku melainkan ada sesuatu yang terjadi di KL... Dan ingat, waktu tu dapat berita dalam masa sehari dah kira baik jadi kami hanya dapat tahu apa yang berlaku dua hari kemudiannya... Kami agak rileks sewaktu perintah larangan... kami duduk dalam rumah buat seketika tapi akhirnya kami mula keluar. Takde apa yang terjadi, malah setakat yang kami tahu minggu tersebut agak senyap. Mungkin ianya berbeza dengan kawasan bandar seperti Ipoh tapi kami berada dalam kawasan Tamil dan kebanyakan orang di sana adalah India dan beberapa Cina – jadi saya rasa kami dalam kawasan “selamat”. Saya rasa ibu bapa saya simpan bekalan makanan semua, tapi mereka taklah terlalu risau.

(Pelajar Zaman 60-an (berumur 18 tahun pada 1969)




Rajah 4. Suasana di jalan ketika perintah berkurung.

Saya sedang pulang dari mengajar di Seremban dengan seorang kawan. Nak dijadikan cerita kereta saya takde waktu tu jadi kami naik teksi. Sambil melalui Cheras sekitar 7 malam, seorang lelaki Cina tiba-tiba menahan teksi kami. Dia merupakan kawan kepada drebar teksi kami, juga seorang drebar teksi, dan memberitahu kami supaya tidak ke bandar, mengatakan ada perintah berkurung akibat masalah yang tertentu.

“Masalah macam mana?” Dia bertanya.

“Pembunuhan”

Drebar teksi beritahu kami yang dia nak pusing dan balik ke rumahnya di Kajang, dan kawan dia tawarkan untuk kami duduk dengan dia. Kami tak tahu apa yang berlaku... kami tak faham pun apa itu perintah berkurung! Saya hanya 20 tahun la! Bila kami sampai di sana, kami nampak kanak-kanak mengasah pisau. Tiba-tiba, kami dengar dram dari kampung Melayu yang berdekatan. Orang kampung menjerit dalam Kantonis “Lei la! Lei la!” (“Mereka datang! Mereka datang!”) dan kami lari bersembunyi. Tiada apa yang berlaku. Dram berbunyi lagi beberapa kali malam itu. Pagi esoknya, kami ternampak sebuah konvoi trak tentera dan cuba melambai meminta pertolongan (Rajah 5). Mereka tidak mengendahkan kami. Seorang daripada orang kampung memberhentikan kami dan meminta kami masuk ke dalam. Dia kata ada seorang kena pukul bila buat benda yang sama.



Rajah 5. Trak tentera lalu depan rumah.

Dalam rumah itu sangat panas jadi kami tidur sekejap sebab panas. Tiba-tiba kami terdengar orang menjerit "LARI!" "LARI!"

Ada tempat berkumpul yang lebih selamat berdekatan kalau-kalau rumah kayu di kampung dinyalakan api. Jadi kami lari ke bangunan apartment yang ditinggalkan. Unit tersebut sangat sesak hingganak nak luruskan kaki pun tak boleh mahupun berdiri kalau-kalau ada orang nampak bayang-bayang kami.

Hari seterusnya, drebar teksi beritahu kami yang perintah berkurung telah tamat di Pudu, jadi dia hantar kami balik ke Hostel Methodist Girl. Saya berjaya menghubungi ibu saya, dan bila benda reda sedikit, saya bawa famili saya tinggal di hostel. Kakak saya bagitau saya yang mereka nampak mayat surut di sungai Klang.

Tukang kebun Melayu menjaga penduduk hostel dengan mengatakan yang tiada orang Cina di sana, walaupun keluarga kawan dia sendiri (seorang Melayu) dibunuh oleh Cina.

Saya bersyukur sebab saya tak ada kereta hari tu. Kalau saya ada, saya mungkin dah drive ke bandar dan... siapa tahu apa yang akan terjadi. Dan saya sangat berterima kasih kepada drebar teksi yang terima kami. Kami singgah di rumahnya beberapa bulan kemudian untuk mengucapkan terima kasih atas budi yang dia hulurkan.

(Lyn yang berumur 20 tahun pada 1969)

Selain SosCili, saksi mata kepada Tragedi 13 Mei 1969 juga menulis untuk dikongsi bersama masyarakat tentang pengalaman beliau dan keluarganya.

43 tahun lalu. Tanggal 13 Mei, 1969. Keluarga Kjee-bapak, mak, Kjee serta dua adik iaitu Faridah dan Fazilah. Abang Fauzee ketika itu belajar di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Kjee di tingkatan 1 di SMK Air Panas Setapak. Kjee tak ingat Faridah sekolah mana sementara Fazilah (sekarang dah arwah) belajar di Sekolah Rendah Cina San Min, Setapak dalam darjah 3. Kami tinggal di belakang Chong Hwa High School di Batu 3¾ Jalan Gombak, kira-kira 20 minit dari Chow Kit. Kawasan 99% dihuni orang Cina. Hanya ada dua rumah orang Melayu dan satu rumah orang India Muslim. Lain semua Cina. Rumah Melayu satu lagi selain kami) dihuni oleh satu keluarga kecil. Suaminya kerja sebagai askar. Yang India Muslim itu orang meniaga. Hidup kami cukup harmonis. Jiran-jiran sebelah menyebelah (kecuali jiran Melayu) seringkali bertegur sapa. Jiran Melayu tu pulak menyendiri dan enggan bercampur gaul. Tak tahu kenapa.

Pada tanggal 10 Mei 1969, jiran Cina (perempuan) sebelah rumah kami mati. Kami tak tahu dia mati. Kjee balik sekolah, mak ajak ke rumahnya kerana mak kata seharian tak nampak dia. Kami masuk ke rumahnya yang tidak berkunci. Dia di dalam bilik. Mak panggil dia dua tiga kali tapi dia tak bangun tidur. Mak pegang kakinya. Panas. Mak cuba gerak dia tapi tak ada respon. Mak terus keluar panggil jiran lain. Mereka datang. Wanita itu sah dah meninggal! Mungkin baru beberapa jam. Malam itu bapak tolong jiran-jiran Cina lain pasang lampu dan khemah di rumah si mati.

Petang 13 Mei 1969. Kami sekeluarga di dalam rumah. Rumah kami di tingkat atas. (Rumah teres ala town house. Bawah orang lain duduk). Tiba-tiba kami dengar kecoh-kecoh di luar rumah. Bapak jenguk luar beranda. Tanya apa hal. "Gaduh...gaduh.." kata seorang jiran Cina kami sambil berlari join kawan-

kawannya yang lain. Bapak panggil Fazilah dengar apa mereka bual. Fazilah sekolah Cina so dia faham apa dia orang kata. "Orang Melayu dengan Cina gaduh, bapak. Kat Setapak dan Kampung Baru!" kata Fazilah yang ketika itu baru 9 tahun. Setapak hanya 10 minit dari rumah kami!

Bapak pucat. Mak mula menangis. Kjee tak faham kenapa mesti menangis dengar orang gaduh. Lutut mak terus lembik dan dia tiba-tiba demam. Terkejut yang amat-amat. Di luar rumah kami intai orang Cina tengah potong batang paip besi danasah (digesel-gesel di atas jalan tar) jadikan buncunya tajam, di tepi jalan. Bapak masih intai dari berandah. Suami Jiran Cina kami yang baru mati dua hari lepas suruh bapak masuk dan tutup pintu dan tingkap.

"Jangan tunjuk muka. Takut orang Cina luar datang nampak awak, nanti susah," katanya. Bapak terus masuk dan kunci semua tingkap dan pintu. Semalaman kami tak tidur. Masa itu barulah tahu rasa takut. Bukak TV dan Radio. Kjee tak ingat apa yang ditayangkan di TV. Mak semakin panas demam. Bapak bukak tingkap dan nampak jiran-jiran kami. Beritahu mak sakit. Tak sampai satu jam, salah seorang datang bawak ubat yang dibeli di kedai sinseh berdekatan.

Kemudian datang lagi jiran lain bagi satu guni kentang. Sebuah lori bawak kentang on the way pergi Pahang tersangkut di kawasan kami sebab perintah berkurung. Semua kentang diagih-agihkan kepada penduduk termasuk kami. Siang itu, satu trak askar datang bawak pergi keluarga Melayu yang suami dia kerja askar. Bapa enggan ikut sama. Kemudian satu trak polis datang untuk bawak kami pergi dari situ. Arahan dari datuk Kjee yang tinggal di Kpg Baru. Bapak masih berkeras. Katanya, keluarganya tak semestinya selamat kalau dipindah ke tempat lain. Lagipun, setiap masa ada agihan makanan seperti beras, gula, minyak dan sardin dari jiran-jiran Cina. Tak tahu mana mereka dapat. Mungkin ada lori lain yang terkandas jugak kot.

Di TV dan Radio pengumuman untuk orang derma darah dibuat. Tabung Darah sudah kering kerontang. Sesiapa nak derma, akan dijemput dari rumah! Bapak pelan-pelan pergi rumah jiran dan telefon Tabung darah hantar orang jemput dia. Dia penderma darah regular. Dan masa bapak pergi, baru kami dapat cerita kisah sebenar di Kuala Lumpur. Bermandikan darah. Cerita lain Kjee tak tahu sebab muda sangat masa tu.

Cuma Kjee tidak dapat lupa jiran-jiran Cina di kawasan perumahan kecil di belakang Chong Hwa High School sampai ke hari ini. Kalau tidak kerana jiran-jiran yang baik hati dan bermuafakat, pasti kami sekeluarga tidak wujud hari ini. Walaupun setelah lama kami berpindah dari kampung Chong Hwa itu, namun tiap kali Hari Raya, mereka akan berduyun-duyun mengunjungi kami. Begitu juga kalau Tahun Baru Cina, bonda akan masak rendang dan kuih Melayu dan hantar kepada mereka. Ketika itu, semua bangsa hidup saling hormat menghormati. Dulu kami lebih 1 Malaysia dari sekarang. Sebabnya? Tiada 'anasir-anasir' peniup semangat kebencian di antara kaum, Sekarang ini, orang Melayu benci sesama sendiri, orang Islam benci sesama sendiri... bangsa lain dengan bangsa Melayu? Hmmm sedih sangat.

(Fauziah Samad)

Jelas, dalam perbincangan kes peristiwa 13 Mei 1969, media sosial ini berjaya menampilkan saksi mata dalam menceritakan kembali kejadian yang berlaku. Di samping itu, temubual yang dilaksanakan juga memenuhi kaedah sejarah lisan. Penulis

juga melaksanakan semakan silang dan mendapati saksi mata (Puan Fauziah Samad) (Rajah 6) juga ada menceritakan kisah pengalaman beliau yang diterbitkan oleh Media SosCili.



Rajah 6. Peristiwa 13 Mei 1969 melalui sorotan remaja berusia 13 tahun.

Menurut Mohd Zain, melalui penulisan beliau yang menggunakan judul Pondok Rahmat mengisahkan sejarah pentadbiran raja yang memerintah Salor satu ketika dahulu.

“Kisah sejarah yang berlaku di Kg. Salor ini saya perolehi daripada beberapa orang tua di kampung yang sekarang sudah tidak ada lagi, termasuk Allahyarham ayahanda saya yang dikasihi, Saleh bin Hj, Muhammad yang cukup terkenal dengan panggilan “Pak Cu Leh Tok Bomoh”, seorang lelaki yang ‘humble”. [Ya Allah cucurilah rahmat ke atasnya].

Ia merupakan satu peristiwa hitam yang menyedihkan bagi kami penduduk-penduduk di Kg. Salor. Saya juga pernah menulis secara ringkas mengenai peristiwa tersebut dan disiarkan dalam Berita Harian sekitar tahun 1970-an. Tapi keratan akhbar yang saya simpan masih belum dapat dikesan hingga sekarang.

Menurut ceritanya di Kampung Salor itu telah agak lama mempunyai seorang raja. Menurut cerita tersebut Raja Salor yang pertama berasal dari Selatan Thailand yang berhijrah ke Kelantan dan meminta izin kepada Sultan Kelantan untuk berajakan baginda. Permohonan itu telah diperkenankan dan menganugerahkan Kg. Salor sebagai tempat persemayaman.

Raja Salor telah memilih satu kawasan berhampiran Sungai Kelantan sebagai tempat bersemayam. Pemerintahan Raja Salor terus bersambung-sambung hingga

ke zaman pemerintahan Sultan Muhammad 11 yang memerintah Kelantan dari tahun 1837 hingga tahun 1886, barulah pemerintahan itu berakhir dengan pembunuhan beramai-ramai keluarga diraja Long Muda atas perintah Sultan Muhammad 11.

Peristiwa itu berpunca daripada satu temasya perlagaan kerbau yang dihadiri oleh putera Sultan Muhammad II dari Kota Bharu, iaitu Long Sulung, bersama-sama dengan hulubalang-hulubalang dan pengiring-pengiringnya. Rombongan diraja itu berangkat mengikut sungai dan kesampaian mereka telah disambut dengan begitu meriah oleh keluarga Raja Salor. Di samping itu orang-orang ramai dari seluruh negeri juga berpusu-pusu datang untuk melihat temasya tersebut. Ketika perlagaan kerbau sedang rancak berlangsung entah bagaimana mata keris putera raja Salor terkena pada badan Long Sulung yang duduk di sebelahnya.

Menurut ceritanya, Long Sulung tidak pun luka apa lagi berdarah, ia hanya sekadar tergores kulit sedikit sahaja, kerana itu tidak membahayakan. Di samping itu putera Raja Salor itu juga dikatakan kurang siuman, dan suka bermain-main dengan senjata keris.

Ada pula cerita lisan mengatakan temasya itu bukan berlaga kerbau, tapi temasya menyabung ayam. Dalam perlagaan itu dikatakan pehak Raja Kota Bharu telah membuat penipuan supaya ayamnya menang sabung. Penipuan itu telah disedari oleh Raja Salor yang naik berang lalu mencabut kerisnya untuk menikam Raja Kota Bharu yang juga segera mencabut kerisnya untuk bertarung.

Tapi pertarungan tidak sempat berlaku kerana Raja Salor dapat menenangkan dirinya dan memohon maaf kepada Raja Kota Bharu. Raja Kota Bharu terlalu marah dengan peristiwa itu dan terus berangkat meninggalkan gelanggang sabungan langsung balik ke Kota Bharu. Tapi perkara itu tidak berakhir di situ. Ia berkesudahan dengan episod yang amat malang.

Rombongan Long Sulung yang merasa tidak puas hati dengan peristiwa itu bila sampai ke Kota Bharu terus memaklum sembah kepada Baginda Sultan Muhammad 11 bahawa anak Raja Salor cuba membunuhnya. Mendengar cerita itu Sultan Muhammad 11 amat murka, dan tanpa usul periksa mengeluarkan perintah supaya semua keluarga Raja Salor dihukum bunuh kerana dituduh menderhaka kepada Sultan. Maka dengan perintah itu hulubalang-hulubalang Sultan Muhammad 11 terus datang ke Kg. Salor dan menjalankan perintah tersebut. Akibatnya semua keluarga Raja Salor, lelaki dan perempuan, termasuk kanak-kanak telah dibunuh. Darah mereka membanjiri seluruh istana dan kawasan sekitarnya.

Jenazah Raja Salor dimakamkan di kawasan tersebut. Di samping itu terdapat beberapa buah pusara lain lagi yang dipercayai kubur panglima dan hulubalang baginda yang telah dibunuh itu. Walau bagaimanapun menurut cerita Allahyarham ayah saya, ada seorang wanita kerabat di raja Salor itu entah bagaimana telah terselamat dari pembunuhan beramai-ramai tersebut dan katanya pada akhirnya berjaya melarikan diri ke Selatan Thailand. Tapi kisahnya tidak dapat dijejak hingga ke hari ini.

Mengikut cerita Allahyarham ayah saya juga, sebahagian daripada harta-harta Raja Salor sempat disembunyikan dengan menimbusnya dalam tanah atau memasukkannya ke dalam telaga dan hingga kini tidak ada siapa yang dapat menemuinya walaupun diberitakan ada beberapa pihak sejak kebelakangan ini pernah berusaha untuk mencarinya secara bersungguh-sungguh. Adalah dikhabarkan di sekitar tahun 1980an ada keluarga Raja Salor dari Selatan Thailand telah datang ke Kg. Salor dan menziarahi makam tersebut. Alangkah baiknya demi

kepentingan sejarah, kalau warisan keluarga Raja Salor itu memang masih terdapat di Selatan Thailand sekarang dapat dihubungi.

Pusara Raja Salor itu pernah dibaikpulih oleh pihak berkuasa sebagai lambang sejarah dan kami pernah beberapa kali mengunjungi beberapa tahun yang lampau untuk menjejaki kesan sejarah. Namun begitu saya percaya masih ramai penduduk Salor, khususnya generasi muda yang tidak menyedari peristiwa berdarah tersebut, dan saya juga tidak pasti adakah sebarang kajian yang lebih lanjut telah dilakukan mengenai peristiwa tersebut untuk paparan sejarah. Alangkah baiknya kalau kajian itu dapat dilakukan oleh mana-mana pihak dengan segera demi kepentingan sejarah.
(Pondok Rahmat)

Kisah sejarah yang dikongsi oleh penulis blogspot ini membuka ruang kepada para pembaca dalam media sosial untuk berinteraksi terus dengan penulis blogspot untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut atau berkongsi maklumat tentang penceritaan sejarah yang dipaparkan. Sebagai contoh perbualan yang ditulis oleh pembaca di dalam blogspot tersebut:

Pembaca pertama

namo kg. salor tu berasal dari sebatang salur aliran untuk pertanian terutamanya padi...iaitu yang dipanggil salor...iaitu di Gertok Lembu. Maso kecik2 kito selalu duk ggagga dan ngail ikae..malah semaso taing 50an-pertengahan 80an ia menjadi tempat mandi manda para penduduk selain di sungai. Kg. Salor merupakan salah satu kawasan penanaman padi utama di Kelantan satu ketika dulu. Panjangnya salor itu ialah bermula dari perairan kemubu lagi sehingga sampai ke Sungai Kelantan. Tapi bermula di kg. Gertok Lembu hingga ke sungai ia berbentuk besar seperti sungai kecil. Jika tengok kepada struktur salor ini hingga ke sungai ia ujud sudah lama malah di makam Raja salor itu terdapat kubu di sebelah tapak istana. (Setelah baginda dan para pembesar serta dayang2 dibunuh oleh pihak sultan mulut merah maka mereka disemadikan di dalam istana). Tapi lloni salor itu sudah dicemari dan tidak dihiraukan. Malah tumbuh ghok berdaung. Kedudukan bekas istana itu dengan rumah tok nyae ambo berhampiran ialah kira2 3 pelaung. ada pun Kedai Salor itu ialah tempat baru bagi pasar yang dipindahkan dari tempat lama kedai iaitu di gertok lembu itulah. Malah dari dulu sehingga kini..para to' iman, penggawa, penghulu dan balai raya Kg. Salor masih orang Gertok Lembu dan bertempat di Gertok Lembu. Jadi secara asalnya puak tok syeikh lah memainkan peranan utama dalam mentadbir kawasan Kg. Salor. Kesenambungan ini merupakan satu amanah.

Pembaca kedua

Assalamualaikum...

Jumpo molek cito pasal kg salor ni.. kg atuk sebelah emak ambo... skrg ni mek bonda ambo tinggal di kg betong salor.. Jauh ko dgn kws makam raja2 tu?

Mengikut cerita mek bonda ambo, tok imam yahya adalah sedara mara jugak.. bila ada kenduri kendara, mereka akan dijemput.

Pembaca ketiga

*salam... saudara suhaimi yaakob..nama tok munoh jua kueh ambo bbeso
dengar...namo mok yoh pun besso dengar jugok..namun umoh demo tepi sg. salor
tu... keliru sikit samada tepi sg. klate ko atau tepi salor... sebab para penduduk salor
tok panggil sg. salor kpd 'salor' tu..mereka panggil Salor jah...p/s: salor tu tempat
ambo duk mandi manda dulu2..*

‘Berdasarkan perkongsian kisah Kampung Salor ini, melalui tulisan blogspot, pembaca boleh berkomunikasi secara lisan bersama pengarang dan dapatan ini sebenarnya mencambahkan lagi maklumat berkaitan sejarah Kampung Salor. Justeru itu pada pandangan penulis, saluran media sosial seperti ini jika digunakan sebaiknya mampu membuka ruang dan mengumpul sumber sejarah tempatan. Melalui perkongsian audiovisual berjudul ‘Raja Salor: Seluruh kaum kerabat dibunuh. Tinggalan sejarah Negeri Kelantan’, masyarakat dipaparkan dengan sejarah Raja Salor yang pernah memerintah Kampung Salor. Pengarang video ini menyatakan kisah “Peristiwa Berdarah Raja Salor” yang berlaku pada sekitar tahun 1840-an ini dipetik dari pelbagai sumber antaranya penduduk setempat dan juga wikipedia. Beliau juga menjelaskan:

“Sebarang ketidaktepatan info harap dimaafkan. Video ini hanyalah untuk sekadar renungan bersama, yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan sempadan. Semoga semua roh mangsa ditempatkan di kalangan orang2 yang beriman. Aamiin. Antara Kesan Peninggalan Yang Masih Ada: 1-Makam-Makam Raja Salor & keluarga, Hulubalang serta rakyatnya. 2-Lorong Gajah-Lorong laluan gajah yg digunakan oleh raja. 3-Kubu-Kubu pertahanan istana raja yg seperti parit paras dada yang panjang”

(Raja Salor)

Hasil paparan video tersebut, menghasilkan interaksi antara penonton. Interaksi penonton ini secara tidak langsung membantu menambah data kepada pengkajian sejarah Raja Salor dan interaksi ini berlaku secara alam maya. Antara komen penonton-penonton video tersebut yang berinteraksi terus dengan penghantar video bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Penonton pertama

Makam berbumbung ada dua, 1 makam yg ada 2 kubur & 1 makam lg yg ada 3 kubur, menurut cerita ore kg, makam berbumbung ada ada 2 kubur tu ialah makam Tuan Kuning (Raja Salor Ke-3) dan permaisurinya manakala makam yang ada 3 kubur itu ialah kubur hulubalangnya.

Penonton kedua

Raja Salor ke-3 ialah Tuan Besar...yg menganjurkan belaga lembu ialah Tuan Kuning...beliau anak ke-3 Engku Ismail..

Penonton ketiga

Terima kasih di atas persembahan Video Dokumentari ini. untuk tatapan semua terbaik Tuan.. dan juga saya ada sedikit info tentang YM Almarhum TG Long Tuan Muda Raja Pertama Salor. klu tengku x keberatan kita boleh jumpa nnt, tengku menetap di mana dan asal mana ya?

Paparan gambar seperti *Rajah 7* telah membuka ruang pelbagai komen yang dilontarkan serta ribuan perkongsian berkenaan dengan gambar ini. Antara perkongsian komen oleh pembaca media sosial pada rajah berkenaan.



Rajah 7. Orang Kampung Kita.

Pandangan saya Malaysia patut ada siaran/channel khusus yang ditayangkan berulang2 kali sejarah pemimpin-pemimpin Melayu dan pembentukan negara kita. Yakni sesiapa sahaja rakyat Malaysia berpeluang mengetahui dan menghayati sejarah Malaysia dengan sendiri nya. Kalau tak silap saya di UK ada channel seperti ini, menceritakan kerajaan dan Raja2 mereka khusus untuk itu sahaja. Bagi yang tidak suka membaca, dengan menonton mereka dapat mengetahui sejarah dan pelbagai yang berkaitan. Allahualam.

(Zaiton Ahmad)

Zaiton Ahmad Lebih baik ada kita secara begini di Socmed, buat permulaan semula lebih senang beri pandangan dan cadangan hanya kemaskan content dan kesahihan fakta (boleh sedia rujukan cth dari Arkib Negara dll) dan targeted pembaca pun dikalangan yang berminat, pengkaji dan harap ade pendidik. Jika diarusperdanakan pemerintah terpaksa menjaga banyak halangan sensitif sekarang pun ade law 3R...dan bila isu berkaitan politik sure akan penuh dengan kecam mengecam.penyokong politik ...rimas

(Ahmad Suhaimi Ismail)

Sebab tu ada jalan Abdullah hukum... station Abdullah hukum d tengah KL

(Kicap soya)

Sutan Puasa yg buka Kuala Lumpur

(Pauxie Ibrahim)

Rasanya bkn Abdullah hukum..dia bukak penempatan kampung Abdullah hukum... Sutan puasa yg pengasas kuala lumpur

(Zul Adnan)

Abdullah Hukum adalah anak jati melayu kerinci kata orang kerinci yg tak boleh disebut namanya tinggal di ulu klang

(Kuduk-Kuduk Channels)

Siapalah yang cari pasal kata Yap Ah Loy tu pengasas Kuala Lumpur? Beliau merupakan Kapitan KL yang KETIGA. Mana mungkin dia pengasas? Tapi yang memajukan KL sememangnya beliau.

(Marcus Chong HM)

Melalui perkongsian gambar sejarah, menunjukkan gambar yang menarik akan menarik ramai pembaca untuk berkongsi pandangan, pengalaman serta bercerita tentang sejarah berkaitan gambar tersebut. Sekiranya ditinjau dalam media sosial terdapat banyak maklumat yang boleh dikongsi oleh para pembaca untuk menjejaki sejarah yang berlaku di tanah air ini. Misalnya Koleksi Gambar Lama & Bersejarah, Peminat Gambar-gambar Lama dan Klasik, Santai Sejarah, Nostalgia Gambar2 Lama, Melaka Dulu-dulu, Sulalatus Salatin Sejarah Melayu, Rumah Melayu Malaysia, Peminat Gambar-Gambar Lama dan Klasik, Sabri Zain's Malayan History Society dan lain-lain lagi.

Peranan media sosial dalam pengkajian sejarah lisan

Media sosial memiliki potensi besar untuk membantu pengkajian sejarah lisan dalam beberapa cara. Pertamanya melalui pengumpulan Narasumber. Media sosial memungkinkan pengguna untuk berkongsi cerita, lagu, mitos, gambar dan tradisi lisan lainnya secara luas. Dengan memanfaatkan platform media sosial, peneliti dapat mengumpulkan narasumber lisan dari pelbagai sumber dan komuniti dengan lebih mudah daripada sebelumnya. Keduanya melalui rakaman dan penyimpanan sesuatu cerita. Video, audio, dan teks yang dikongsikan di media sosial dapat dirakam dan disimpan untuk penggunaan masa depan. Ini memberikan kesempatan untuk menyimpan dan mendokumentasikan tradisi lisan yang mungkin terancam, musnah atau dilupakan. Ketiganya memberi ruang komunikasi bersama komuniti. Media sosial memungkinkan penyelidik untuk berhubung dengan komuniti yang memiliki pengetahuan tentang tradisi lisan. Melalui kumpulan khusus, forum, atau perbincangan dengan kelompok yang sesuai, penyelidik dapat menjangkau narasumber dan berinteraksi dengan mereka untuk memperolehi maklumat dengan lebih lanjut. Keempat, platform media sosial bertindak sebagai agen kolaborasi antara penyelidik, akademik, dan komuniti tempatan. Mereka dapat berkongsi dapatan, pengalaman, dan maklumat yang berkaitan dengan pengkajian sejarah lisan, meluaskan cakupan pengkajian dan membawa kepada pertukaran pengetahuan yang lebih luas.

Kelima, media sosial membuka ruang pembelajaran dan pendidikan. Media sosial dapat digunakan sebagai alat untuk menyebarkan pengetahuan tentang tradisi lisan kepada masyarakat umum. Melalui platform media sosial (contoh seperti YouTube, Instagram, Blogspot, Facebook dan lain-lain media sosial), penyelidik dapat membuat kandungan pembelajaran dan perkongsian kisah sejarah kepada komuniti yang lebih besar. Meskipun media sosial menawarkan banyak manfaat bagi pengkajian sejarah lisan, penting juga untuk mempertimbangkan dari sudut etika. Ini termasuk masalah privasi, maklumat yang tepat, dan kesan sosial dari penelitian dan penyebaran sumber

lisan di ruang media online. Oleh karena itu, penyelidik harus berhati-hati dalam menggunakan media sosial sebagai alat untuk pengkajian sejarah lisan dan memastikan bahawa mereka menghormati nilai-nilai budaya dan kepercayaan masyarakat yang terlibat. Selain itu dapatan kajian tentang media sosial sebagai sumber kajian lisan dapat memberikan wawasan yang berharga tentang bagaimana sumber sejarah lisan mampu berkembang dan dikongsi dalam lingkungan digital. Antara pandangan yang boleh dibincangkan adalah:

Peranan media sosial dalam menyebarkan cerita, kisah atau peristiwa sejarah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa media sosial telah menjadi platform yang penting dalam menyebarkan cerita-cerita, kisah, peristiwa sejarah melalui platform seperti Akhbar Online, Blogspot, Facebook, Youtube dan lain-lain media sosial. Cerita, kisah dan peristiwa sejarah dapat diakses dengan mudah dan dikongsi oleh pengguna yang berminat dengan paparan tersebut.

Interaksi antara komuniti yang berperanan untuk menambah maklumat sedia ada

Kajian menunjukkan bahawa media sosial berkemampuan menjadi sumber pengumpulan maklumat. Interaksi antara komuniti yang memiliki minat yang sama membuka ruang untuk perbincangan yang berterusan. Kumpulan perbincangan melalui forum online membuka ruang individu untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman, dan cerita-cerita keluarga mereka, sekaligus memperkuat ikatan komuniti dan mempromosikan kesedaran tentang sejarah dan warisan.

Kreativiti dalam mengadaptasi cerita, kisah dan sejarah melalui platform media sosial

Kajian ini menunjukkan bahawa media sosial mampu mencipta kreativiti dalam mengadaptasi cerita-cerita, kisah dan peristiwa sejarah untuk menarik generasi muda dan masyarakat lainnya. Misalnya, penggunaan video pendek dapat memberikan sudut pandang baru dan menarik bagi menonjolkan kisah, cerita dan peristiwa sejarah, sekaligus keberadaan kandungan sejarah dapat dikongsi melalui budaya digital.

Kesahan dan kebenaran

Penyebaran informasi secara alam maya ini memerlukan kesahan dan silang rujukan bagi memastikan cerita, kisah dan peristiwa sejarah berada atas landasan yang benar. Dengan menganalisis dapatan kajian ini, kita dapat memahami peranan yang kompleks dan dinamik oleh media sosial dalam proses penyimpanan, pemeliharaan, dan pembaharuan kaedah tradisi lisan dalam era digital. Ianya memberikan wawasan yang berharga bagi para penulis, pengkaji, sejarawan dan masyarakat umum dalam memahami evolusi dan relevansi perolehan maklumat dalam konteks modern.

Kesimpulan

Penggunaan media sosial sebagai alat pengkisahan sejarah lisan mempunyai potensi besar untuk menjadi antara pembekal sumber sejarah masa kini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pertimbangan etika dan cabaran yang perlu dilaksanakan. Pertamanya semasa menggunakan media sosial untuk mengumpul bahan lisan, penting untuk

menghormati privasi narasumber. Beberapa cerita atau amalan lisan mungkin mempunyai nilai penting bagi sesuatu komuniti dan narasumber mungkin tidak selesa dengan penyebaran terbukanya di media sosial. Penyelidik harus sentiasa mendapatkan kebenaran dari narasumber sebelum berkongsi bahan dengan luas. Keduanya media sosial sering menjadi platform di mana maklumat dapat tersebar dengan mudah tanpa penilaian yang mencukupi. Oleh itu, penting untuk memastikan ketepatan dan kebenaran bahan lisan yang dikumpul dari media sosial sebelum digunakan dalam penyelidikan atau disebarkan secara meluas.

Ketiganya penggunaan media sosial dalam pengkajian sejarah lisan juga boleh mempunyai kesan sosial yang tidak dijangka. Misalnya, cerita atau amalan lisan yang dikongsi secara terbuka di media sosial boleh dipengaruhi oleh komen atau respon negatif dari pengguna lain, yang boleh mempengaruhi persepsi dan pemahaman masyarakat tentang tradisi tersebut. Penyelidik harus mempertimbangkan kesan sosial dari penyebaran bahan lisan secara dalam talian dan bertindak dengan bertanggungjawab. Keempat, semasa menggunakan media sosial sebagai alat dalam pengkajian sejarah lisan, penting untuk menghormati nilai-nilai budaya dan kepercayaan masyarakat yang terlibat. Bahan lisan boleh mempunyai makna dan signifikan yang mendalam bagi sesuatu komuniti, dan penyelidik harus berusaha untuk memahami dan menghormati konteks budaya di mana tradisi tersebut berkembang. Dengan mempertimbangkan perkara di atas, pada pandangan penulis, penyelidik sejarah boleh menggunakan media sosial secara berkesan sebagai salah satu sumber dapatan dalam pengkajian sejarah lisan. Namun para penyelidik perlu memastikan bahawa nilai-nilai etika dan budaya yang terlibat dipatuhi secara jujur bagi memastikan kesahan dan kebenaran sesuatu peristiwa sejarah.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Bryman, A., Becker, S., Sempik, J. (2008): Quality criteria for quantitative, qualitative and mixed methods research: A view from social policy. – *International Journal of Social Research Methodology* 11(4): 261-276.
- [2] Creswell, J. (2003): *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods*. – Sage Publications 270p.
- [3] Donnelly, J., Trochim, W. (2007): *The research methods knowledge base*. – Ohio: Atomic Dog Publishing 361p.
- [4] Hamid, S.A. (2016): Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. – *e-BANGI* 11: 214-226.
- [5] Haron, N. (1979): Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. – *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies* 9: 44-58.

- [6] Idid, S.A. (1992): Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial. – DBP 220p.
- [7] Salman, A., Yusoff, M.A., Salleh, M.A.M., Abdullah, M.Y.H. (2018): Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia [The use of social media for political support in Malaysia]. – *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3(1): 51-63.
- [8] Snee, H., Hine, C., Morey, Y., Roberts, S., Watson, H. (Eds.) (2016): *Digital methods for social science: An interdisciplinary guide to research innovation*. – London: Palgrave Macmillan 251p.
- [9] Statista Web Portal (2022): Number of social media users worldwide from 2017 to 2025. – Statista Web Portal 4p.
- [10] Zawawi, N.S.M., Mohammad, I.S. (2019): Media Sosial Sebagai Medium Perkongsian Maklumat Dan Pembelajaran Kendiri Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Persidangan Liga Ilmu Serantau, Mersing, Malaysia*. – In Conference: *Liga Ilmu Serantau 2019* 19p.